

**PERUTUSAN ULANG TAHUN KE-10 TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO
GEORGE TOWN
OLEH KETUA MENTERI PULAU PINANG YAB TUAN CHOW KON YEOW
7 JULAI 2018
GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

10 tahun telah berlalu sejak UNESCO mengumumkan bahawa Melaka dan George Town: Bandar-bandar Bersejarah di Selat Melaka disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008. Berikutan pengiktirafan yang cukup bermakna ini, George Town telah berkembang sebagai tapak warisan terkenal di dunia, dengan komitmen yang semakin meningkat daripada pihak-pihak berkepentingan serta pengiktirafan dari seluruh dunia.

Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang berkeluasan 259 hektar, merangkumi 3,853 bangunan warisan dan 1,160 struktur moden. Bangunan-bangunan ini dimiliki, digunakan dan diduduki untuk pelbagai tujuan, yang membentuk perkembangan yang vibrant di George Town. Kepelbagaian yang telah wujud di George Town menjadikannya antara bandar warisan dunia yang kompleks dan kaya dengan kepelbagaian budaya.

Setelah 10 tahun, Pakatan Rakyat, yang kini dikenali sebagai Pakatan Harapan yang menerajui Kerajaan Negeri Pulau Pinang, telah menunjukkan komitmen, keupayaan dan kesungguhan dalam menguruskan, melindungi dan mempromosikan Tapak Warisan Dunia ini. Walaupun berdepan dengan kesukaran dan masa yang terhad, kami mampu mengharungi semua cabaran dan meneruskan komitmen kami untuk melindungi budaya warisan kita demi generasi masa hadapan.

Usaha untuk memelihara warisan kita telah menjadi semakin mencabar, dimana bencana dan kesan perubahan iklim telah mengancam kepelbagaian warisan budaya kita serta persekitaran kehidupan. Kita perlu memperbaharui dan meningkatkan usaha untuk melindungi tapak yang berharga ini. Melalui George Town World Heritage Incorporated, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan lain-lain agensi kerajaan, kami juga bekerjasama secara kolektif dengan pertubuhan bukan kerajaan, agensi warisan antarabangsa, institusi pendidikan dan komuniti tempatan dalam usaha melindungi warisan bersama. Kerjasama seperti ini telah memberikan hasil yang positif di mana semakin ramai orang termasuk masyarakat setempat dan antarabangsa berkunjung ke Pulau Pinang untuk keunikan tapak ini.

Disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia bukan sahaja merupakan satu pengiktirafan antarabangsa. Ia adalah satu pemangkin yang berupaya untuk mengubah dan mempengaruhi pemikiran individu ke arah kreativiti, inovasi dan pembangunan yang mampan. Kesemua ini dekat di hati Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyumbang ke arah Agenda untuk Pembangunan Mampan 2030.

Kami juga menyedari akan perlunya pelancongan lestari, pemerksaan komuniti dan sistem pengurusan yang cekap untuk memelihara dan melindungi Tapak Warisan Dunia George Town. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk melangkah setapak daripada ciri-ciri fizikal tapak warisan dengan merangkumi keseluruhan persekitaran serta interaksi dengan komuniti. Kami telah melaksanakan pendekatan Landskap Bandar Bersejarah UNESCO bagi mengintegrasikan matlamat-matlamat

dalam pemuliharaan bandar warisan serta pembangunan ekonomi sosial. Kami melihat warisan bandar sebagai satu aset sosial, budaya dan ekonomi dalam pembangunan bandar, bergerak melangkaui pemuliharaan persekitaran fizikal dan turut memberi tumpuan terhadap persekitaran kehidupan. Kami akan mengambil kira persekitaran binaan yang sedia ada, warisan tidak ketara, kepelbagaian budaya, sosio-ekonomi dan faktor persekitaran bersama-sama dengan nilai komuniti setempat. Warisan menyatukan kita tanpa mengira latar belakang, budaya dan kepercayaan masing-masing.

Dengan kepimpinan Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan, bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka, kami mengharapkan kerjasama yang lebih erat antara pengurusan tapak warisan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti untuk melindungi, memajukan dan menguruskan warisan budaya secara bersama. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menunjukkan komitmen dan keupayaan kami dengan menghargai Tapak Warisan Dunia ini. Kemampuan dan kewibawaan kita dalam pengurusan tapak warisan ini melalui usaha yang berterusan selama 10 tahun telah mendapat pujian daripada pegawai UNESCO, badan penasihat dan pengurus tapak warisan yang lain. Kami berharap Kerajaan Persekutuan dapat mengiktiraf komitmen dan kerja keras kami dengan menyalurkan sumber kewangan kepada kami setiap tahun.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah komited untuk menjadi penjaga terbaik Tapak Warisan Dunia George Town, dan kami akan berkongsi pengalaman pahit dan manis dalam menguruskan Tapak Warisan Dunia ini dengan rakan-rakan di seluruh dunia. Kami akan bekerjasama secara proaktif dengan UNESCO, badan penasihat antarabangsa, agensi profesional, serta dengan Tapak Warisan Dunia yang lain bagi menjadikan George Town sebagai tapak contoh terbaik. Melalui perkongsian ilmu dan idea, kami berharap dapat meningkatkan keupayaan profesional kami dan penglibatan masyarakat setempat dalam pemuliharaan dan pengurusan warisan budaya kita. Dengan ini, saya ingin meminta sokongan daripada rakyat Pulau Pinang untuk bekerjasama bersama-sama dan berusaha untuk menjadikan George Town sebagai contoh yang terbaik dalam Tapak Warisan Dunia.